



Prof Vincent melawat gerai jualan pada **Ekspo APK di Kampus UMS**.

Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan di UMS

BH 22.5.2014 VII

Kota Kinabalu: Seramai 182 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) diberi pendedahan Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK), baru-baru ini, yang menjadi wadah untuk membuat perancangan perniagaan secara kreatif supaya dapat menembusi pasaran lebih luas.

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS, Prof Dr Vincent Pang, berkata pengajuran ekspo bertema 'Live Simply, Dream Big' itu bertujuan membantu persediaan pelajar menghadapi cabaran perniagaan dan kerjaya pada masa hadapan.

Beliau berkata, penyertaan dalam program itu adalah sebahagian aktiviti Kursus

Asas Pembudayaan Keusahawanan yang merupakan kursus wajib bagi pelajar pra-siswazah di UMS.

Berani sahut cabaran

"Keupayaan pelajar menjayakan program ini membuktikan mereka memiliki kemahiran serba boleh dan berani menyahut cabaran," katanya ketika berucap merasmikan Ekspo APK di Kampus UMS di sini.

Selain aktiviti jualan, ekspo berkenaan turut dimeriahkan dengan kempen kesihatan dan derma darah, kitar semula, pertandingan catur serta penghasilan bebola lumpur untuk pembersihan air laut.